

UUM ONLINE: Ahli akademik diminta menulis mengenai formula dan analisis ekonomi dalam media massa bagi memberitahu peranan rakyat negara ini dalam Rancangan Malaysia Ke 10 (RMK10).

Ahli Lembaga Pengarah Universiti, Universiti Utara Malaysia, Datuk Zuraidah Atan berkata, mereka tidak perlu segan untuk menulis bagi menyedarkan rakyat mengenai transformasi ekonomi yang perlu dilakukan oleh rakyat.

"Mereka hendak memulakan dengan cara yang lebih mudah dan tidak terlalu akademik bagi memudahkan rakyat memahami apa yang mereka hendak sampaikan.

"Malahan, ini selari dengan hasrat Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Abdul Razak supaya rakyat faham mengenai transformasi ekonomi yang cuba dilaksanakan oleh kerajaan melalui beberapa agensi termasuk *Performance Management and Delivery Unit* (PEMANDU), Unit Perancangan Ekonomi (EPU) dan *National Key Result Area* (NKRA) dan sebagainya," katanya ketika berucap selepas merasmikan Persidangan Kebangsaan Rancangan Malaysia ke 10 (RMK10) yang bertemakan *Transformation Towards A High Income Advanced Economy*.

Turut hadir, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Datuk Dr Ahmad Faiz Hamid, Pengerusi Persidangan dan Editor *International Journal of Management Studies*, Prof Datuk Dr Mohammad Alias dan Pengerusi Jawatankuasa Pelaksana, Datin Dr Minah Harun yang juga Pengarah Penerbit UUM.

Dalam majlis itu, Ketua Kluster Ekonomi dan Kewangan, Majlis Profesor Negara, Prof Datuk Dr Noor Azlan Ghazali menyampaikan ucap ternaik bertajuk *The Tenth Malaysia Plan: Transformation Towards A High Income Advanced Economy*.

Beliau juga menyeru supaya pembentang kertas kerja dan peserta membincangkan secara mendalam mengenai RMK10 bagi membolehkan mereka membantu negara mencapai pelan transformasi yang dirancang.

Zuraida berkata, strategi ekonomi sangat penting untuk difahami oleh rakyat kerana negara memerlukan rakyat berpengetahuan tinggi dalam bidang ekonomi untuk melahirkan rakyat berpendapatan tinggi di samping membantu kerajaan dalam melaksanakan pelan transformasi yang sedia ada.

"Pendekatan seperti menerangkan secara analisis mengenai bagaimana hendak mengerakkan ekonomi Malaysia akan dapat membantu pemimpin dalam usaha merealisasikan Wawasan 2020," katanya.

=====

DARIPADA:
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL.: 04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS: 04-928 3016
E-MEL: ukkuum@uum.edu.my